



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN 2015 *SENIBINA*

KOD : PPS03

SUBJEK : UJIAN KEFAHAMAN LUKISAN

TARIKH : 23 JUN 2015

MASA : 9.00 PG - 12.00 TGH

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PPS03 – UJIAN KEFAHAMAN LUKISAN

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi **sepuluh (10)** soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Terdapat beberapa fasa dalam penyediaan lukisan senibina.
Nyatakan **lima (5)** fasa tersebut mengikut turutan penyediaan.

(10 markah)

- b) Senaraikan **lima (5)** set lukisan pembinaan pelbagai disiplin yang perlu ada bagi melaksanakan sesebuah projek.

(10 markah)

SOALAN 2

*AutoCad merupakan salah satu perisian yang diguna pakai bagi penghasilan lukisan. Nyatakan **sepuluh (10)** ikon menu yang disediakan bagi memudahkan dan membantu dalam penyediaan lukisan-lukisan selain daripada ikon Copy.*

(20 markah)

SOALAN 3

- a) Senaraikan **sepuluh (10)** perkara penting yang perlu dinyatakan dalam setiap penyediaan *title block/notations* yang terdapat dalam lukisan senibina.

(10 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Lakarkan *title block* bersaiz A3 yang digunakan untuk lukisan butiran beserta maklumat yang perlu ada.

(10 markah)






SOALAN 4

Lukisan keratan bangunan adalah penting untuk memberi maklumat bagi binaan bangunan. Nyatakan **sepuluh (10)** maklumat yang perlu dinyatakan dalam sebuah lukisan keratan bangunan.

(20 markah)






SOALAN 5

- a) Setiap simbol yang digunakan dalam lukisan kerja mempunyai maksud tersendiri. Apakah yang dimaksudkan dengan simbol-simbol berikut:



(10 markah)

- b) Simbol keperluan bomba juga memainkan peranan penting dalam lukisan kerja. Namakan simbol-simbol berikut:



(10 markah)

SOALAN 6

Dalam penyediaan set lukisan lengkap, terdapat jadual-jadual spesifikasi bahan yang dicadang digunakan bagi pembinaan tersebut. Apakah tujuan jadual-jadual berikut:

- a) Jadual Pintu dan Tingkap
- b) Jadual Keluasan Lantai
- c) Jadual Pengudaraan dan Pencahayaan Semulajadi
- d) Jadual Kelengkapan Sanitari dan Elektrik
- e) Jadual Petunjuk Kemasan

(20 markah)

SOALAN 7

Lukisan terukur (*measured drawing*) merupakan salah satu komponen lukisan yang terdapat dalam lukisan senibina.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan lukisan terukur (*measured drawing*)?
- b) Mengapakah lukisan terukur (*measured drawing*) disediakan?
- c) Berikan **lima (5)** peralatan yang diguna pakai untuk menjalankan pengukuran bangunan bagi penyediaan lukisan terukur (*measured drawing*).
- d) Nyatakan kaedah/teknik bagi menghasilkan lukisan terukur (*measured drawing*).

(20 markah)

SOALAN 8

- a) Senaraikan **empat belas (14)** lukisan butiran/perincian yang perlu disediakan untuk melengkapkan set lukisan senibina bagi tujuan tender.

(14 markah)

SOALAN 8 (sambungan)

- b) Berikan **tiga (3)** contoh bangunan sokongan yang terdapat dalam sebuah projek.

(6 markah)

SOALAN 9

- a) **Gambar rajah di Lampiran S9** adalah sebuah pelan lantai Bilik Air. Nyatakan kemasan-kemasan yang sesuai seperti berikut:

- i) **Satu (1)** kemasan Lantai
- ii) **Dua (2)** kemasan dinding
- iii) **Satu (1)** kemasan siling

(8 markah)

- b) Berikan ukuran lazim yang digunakan untuk Bilik Air di **Lampiran S9** bagi perkara-perkara berikut:

- i) Pintu Masuk Utama
- ii) Pintu ke Bilik Tandas
- iii) Kaunter Basin (lebar)
- iv) Pintu ke Tandas OKU
- v) Ruang servis (lebar)
- vi) Ukuran Kubikel Tandas

(12 markah)

SOALAN 10

Sila rujuk dan jawab soalan ini dengan menggunakan **Gambar rajah Pelan Lantai sebuah Bilik Air** yang disediakan di **Lampiran S10**.


- a) Lakar dan senaraikan **enam (6)** kemudahan pemasangan sanitari yang perlu ada.

(6 markah)

- b) Lengkapkan pelan lantai tersebut dengan melakar sistem paip pembuangan bagi setiap pemasangan sanitari yang anda tentukan pada **Soalan S10(a)**.

(14 markah)

Soalan 9



Soalan 10

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :

